

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN
TARIKH : 24 JULAI 2017
NO. SOALAN : 12

SOALAN

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan laporan kehilangan peralatan radar ketenteraan berteknologi tinggi yang dibawa dari Australia ke Belanda melalui Pelabuhan Tanjung Pelepas :-

- (a) adakah ia mengikut prosedur operasi piawai (SOP) yang ditetapkan oleh MITI sebelum dibenarkan dihantar ke Belanda; dan
- (b) hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kes ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Perdagangan Strategik (STA) 2010 memperuntukkan kawalan aktiviti pengeksporan, transit dan pemindahan (transhipmen) barangan strategik, terdiri dari barangan ketenteraan dan dwiguna (*dual-use*) yang disenarai dan tidak tersenarai di bawah STA 2010.

Untuk makluman, pada 22 Mei 2017, kontena yang disyaki mengandungi peralatan radar ketenteraan telah diimbis dan dibuka, dan didapati membawa peralatan radar tentera milik Kementerian Pertahanan Netherlands yang dibeli dari Australia. Berdasarkan hasil semakan dan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan pakar teknikal dari Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), Kementerian Pertahanan Malaysia, radar tentera tersebut adalah diklasifikasikan sebagai barangan strategik di bawah Senarai Barangan Ketenteraan (ML) di bawah STA 2010 dengan kod kategori ML5.b. yang memerlukan permit yang sah di bawah STA 2010 yang dikeluarkan oleh MITI. Walau bagaimanapun, MITI tidak menerima permohonan rasmi daripada syarikat untuk mendapatkan permit.

Sehingga kini, kes ini masih dalam siasatan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM) dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 13

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah dengan penambahan pemasangan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) telah berjaya mengurangkan kemalangan dan kesalahan lalu lintas terutama pada ops raya yang lalu. Dan apakah peratusan kejayaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa pelaksanaan AES yang kini telah diberi penjenamaan semula kepada *Automated Awareness Safety System (AwAS)* telah terbukti secara data saintifik dalam mengurangkan bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya. Sebagai contoh, analisis terkini yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) semasa Operasi Tahun Baru Cina (OPS TBC) 2017 di tujuh (7) lokasi mudah alih menunjukkan peningkatan kadar pematuhan had laju sebanyak 18.9% iaitu meningkat dari 60.3% sebelum penguatkuasaan kepada 79.2% selepas penguatkuasaan.

Selain itu, kajian tersebut juga menunjukkan tiada kematian yang dicatatkan bagi tempoh OPS TBC 2017 berbanding 2 kematian yang dicatatkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama. Bilangan kemalangan juga telah menurun sebanyak 18 kes (90%) kemalangan iaitu daripada 20 kes pada tahun 2016 kepada 2 kes pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira senario tersebut, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menambah pemasangan kamera tetap di tujuh (7) lokasi baharu selain 14 lokasi sedia ada pada pertengahan bulan Jun 2017 menjelang musim perayaan yang lepas. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pihak MIROS masih dalam proses melakukan analisis dan pengumpulan data untuk menilai keberkesanan di 7 lokasi tambahan kamera AwAS.